

SETIAP daripada kita mahukan kehidupan yang sempurna biarpun pada hakikatnya tiada apa yang sempurna dalam hidup ini. Setiap daripada kita mahukan jalan kehidupan yang lancar, jauh daripada segala kesusahan. Biarpun lumrah hidup pasti ada senang dan pasti ada waktu susah. Begitu juga dengan kegagalan. Tiada seorang pun yang mahukan kegagalan.

Bahkan sesuatu yang pasti apabila saya mengatakan tiada sesiapa pun yang mahu mengelak daripada kejayaan. Meskipun begitu, manusia mempunyai pelbagai sikap dan pendekatan dalam kehidupan. Ada yang berkata mahu berjaya tetapi tidak mahu melakukan apa-apa. Mereka malas berusaha. Malas untuk mengubah nasib diri.

Ada pula yang bertungkus lumus berusaha namun nasib seperti tidak mahu menyebelahi mereka. Mereka tetap sahaja duduk dalam titik yang sama. Terdapat juga di antara kita

yang tidak begitu berusaha tetapi kejayaan berlari menuju kepadanya. Ianya bukan faktor nasib tetapi mereka tidak sedar yang mereka sedang berada dalam lorong kejayaan diri.

Kita kerap melihat dan mendengar kisah kejayaan orang

lain. Kita juga mahu berjaya seperti orang lain. Namun jarang sekali kita benar-benar melihat ke dalam diri dan mencari apa yang sebenarnya menjadi pemberat kepada kelancaran perjalanan hidup kita. Perlu juga diketahui bahawa pemberat-pemberat kepada perjalanan hidup kita ini akan

5 SIKAP YANG MELAMBATKAN KEJAYAAN

Psychology - Human Behavior

pg. 38-41

turut menjadi pemberat-pemberat dalam kehidupan kita yang kekal nanti. Pada saya, sikap malas tidak perlu diceritakan lagi. Mereka yang mempunyai sikap malas sukar untuk mengubah kedudukan hidup kerana perubahan memerlukan tindakan.


Hambatan Kejayaan

Pada saya, secara kasarnya terdapat lima hambatan yang perlu kita bersihkan agar diri menjadi ringan dan insya-Allah mudah untuk berlari pantas ke arah kehidupan yang diinginkan bukan sahaja di dunia tetapi lebih penting di akhirat kelak. Saya percaya ramai yang cuba berlari ke arah kejayaan tetapi larian mereka sangat perlahan seolah-olah berjalan santai meskipun secara zahirnya mereka sedang berusaha bersungguh-sungguh. Ini adalah kerana beban yang ada dalam diri mereka.

Takut

Sikap yang menjadi beban utama adalah takut. Ramai yang mahu berubah tetapi sebenarnya mereka takut untuk berubah. Mereka takut tindakan untuk berubah bakal membuat apa yang ada tidak bertambah tetapi menghilang. Takut untuk mengambil risiko untuk berjaya. Mereka bukan tidak mahu berjaya cuma takut untuk memulakan langkah pertama. Mereka sudah berada dalam zon selesa ciptaan sendiri biarpun hakikatnya tidak selesa.

Justeru, mereka takut seandainya bergerak dari zon kehidupan sekarang ia akan membuat diri menjadi lebih tidak selesa. Seandainya benar-benar mahu mencapai kehidupan yang lebih baik maka mereka perlu mengikis sikap



Ramai yang mahu berubah tetapi sebenarnya mereka takut untuk berubah. Mereka takut tindakan untuk berubah bakal membuat apa yang ada tidak bertambah tetapi menghilang. Takut untuk mengambil risiko untuk berjaya. Mereka bukan tidak mahu berjaya cuma takut untuk memulakan langkah pertama.

takut untuk berubah ini. Selagi ianya menguasai diri selagi itulah kejayaan tidak boleh dikecap. Kita juga perlu berani untuk berubah demi jaminan akhirat yang lebih baik.

Jika apa yang dilakukan hari ini jelas merosakkan akhirat maka kita perlu berani untuk berhenti melakukannya. Kita perlu buang jauh-jauh ketakutan terhadap kehilangan dunia demi akhirat. Ini tidak pula bermakna perlu meninggalkan dunia. Kita hanya perlu membuang apa yang merosakkan hidup di akhirat kelak.

Sikap Degil

Mereka bukan sahaja ingin berjaya tetapi sudah mula bergerak

ke arah kejayaan. Namun mereka degil untuk menerima pengalaman orang yang sudah menempuh liku-liku sebelum berjaya. Ini kerana mereka percaya, juga tahu bagaimana untuk menempuh liku-liku tersebut. Pengalaman lama dan sedikit ilmu yang dipelajari menjadi sandaran untuk menjejaz kejayaan. Mereka juga degil dalam menambah ilmu.

Pada mereka, pengalaman lama lebih penting dalam mengemudi masa depan. Biar berkali-kali diberi saranan tetap dengan pendirian mereka. Malah tidak melawan atau membantah kerana mereka ini degil dalam diam. Akhirnya mereka banyak melakukan kesilapan demi kesilapan sehingga menyebabkan



apa yang diusahakan itu menjurus kepada kerugian. Mereka ini adalah kelompok orang yang rugi kerana ramai yang menghulur tangan untuk membantu tetapi degil untuk tidak mahu menggapai tangan-tangan tersebut.

Sifat Maha Pengasih lagi Maha Penyayang Allah tiada batasnya. Allah s.w.t. sentiasa memberi kita jalan keluar untuk memperbaiki diri. Namun tetap sahaja berdegil kerana kita merasakan apa yang dilakukan hari ini adalah yang terbaik. Kita juga degil kerana takut hilang sanjungan dan hilang kemewahan.

Suka Menyalahkan Orang Lain

Sikap ketiga yang tidak kurang beratnya serta membawa banyak kerugian adalah sikap suka menyalahkan orang lain. Kejayaan sangat sukar dicapai jika seseorang itu mempunyai sikap sebegini. Mereka tidak akan pernah belajar daripada

kesilapan yang dilakukan kerana merasakan yang tindakannya semua betul. Kegagalan hanya datang disebabkan oleh orang lain.

Mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya. Tetapi kerap melakukan kesalahan yang sama seperti pernah dilakukan dahulu. Ini kerana kegagalan dahulu pada mereka bukan disebabkan diri sendiri melainkan disebabkan oleh orang lain. Justeru itu, pada mereka, setiap perancangan dan tindakan adalah sempurna. Mereka yang mempunyai sikap ini sering kecewa dalam hidup kerana apa juga yang dikerjakan sering berakhir dengan kegagalan.

Sikap suka menyalahkan orang lain biar dalam hal-hal yang kecil perlu dibuang jauh-jauh. Yang bahayanya sikap ini sangat halus hingga kadang-kadang tidak terlihat kewujudannya. Sikap ini juga menyebabkan si pemiliknya menjadi orang yang suka menghakimi dan mencari salah orang lain. Dek kerana

sibuknya mencari kesalahan orang lain maka mereka terlupa untuk mencari kekurangan diri. Akhirnya tanpa sadar mereka bukan sahaja mengurangkan kejayaan dunia tetapi banyak mengurang pahala hasil umpatan dan fitnah.

Tamak

Orang yang bersikap tamak sentiasa resah hatinya. Mereka resah kerana mempunyai sikap takut dan cukup takut kalau tidak memiliki. Malah cukup takut seandainya apa yang ada pada mereka menjadi kurang dek kerana orang lain lebih. Sikap ini adalah sikap yang bakal menyusahkan pemiliknya kerana sentiasa berfikir untuk mendapat lebih dari orang lain tanpa mempedulikan orang lain. Bak kata orang, "Untung kamu adalah untung aku, untung aku hanya untuk aku seorang."

Sikap tamak ini menyusahkan diri kerana apabila ia dihidur orang

sekeliling maka mereka akan mula menghindari. Orang sekeliling juga akan mula tidak mahu berkongsi apa juga perkara kerana tidak mahu sikap tamak seseorang itu merosakkan apa yang ada. Sikap tamak juga wujud dalam ibadah. Orang yang tamak dalam beribadah akan cepat menjadi lelah. Mereka akhirnya melakukan ibadah kerana rasa terpaksa dan bukan kerana sayangnya kepada Allah s.w.t.


Kedekut

Orang yang kedekut ada kalanya tidak bersikap tamak. Namun orang yang bersikap tamak sering kedekut. Justeru, kedua-dua sikap ini kelihatan seakan-akan. Namun ia cukup berbeza. Mereka yang bersikap kedekut sentiasa tidak mahu apa sahaja yang dimilikinya dikongsi atau diberi kepada orang lain. Apa yang dimiliki adalah hak milik mutlak dan tidak boleh dikongsi biarpun sebagai pinjaman.

Percayalah, sikap ini sememangnya menyusahkan diri sendiri kerana ia akan memencilkan diri pemiliknya dari orang lain. Mereka yang mempunyai sikap ini sering mengelak untuk bergaul kerana mengkhawatiri orang lain akan mahu meminjam atau memiliki apa yang mereka ada. Sikap ini tidak membawanya seseorang itu untuk cemerlang dalam kehidupannya.

Ada kalanya bukan sahaja kedekut dengan orang lain tetapi juga kedekut dengan diri sendiri. Ada di antaranya yang tidak sanggup mengeluarkan wang untuk mengubati penyakit sendiri. Bukankah itu menyusahkan diri sendiri?

Kita perlu mengubati akhirat kita. Pada saya antara cara paling



Orang kedekut tidak semestinya tamak.

mudah adalah memperbanyakkan sedekah dalam apa jua bentuk. Sedekah akan mudah dilaksanakan apabila sikap kedekut dihilangkan dari kehidupan.

Lima sikap yang merugikan ini perlu dibuang secara total seandainya kita mahu mencapai kejayaan dengan cepat. Kejayaan insya-Allah datang kepada kita seandainya gigih berusaha. Namun kadar kedatangannya berbeza-beza kepada setiap orang. Ianya sangat bergantung kepada beban hambatan yang kita bawa. Jika mampu membuang lima hambatan ini maka kita tidak lagi berjalan menuju kejayaan bahkan mampu berlari pantas mencapainya:

Hambatan-hambatan ini tidak dapat dibuang dengan hanya berazam untuk tidak melakukan. Ia perlu melalui proses untuk melenyapkannya dari diri. Azam sahaja tidak pernah mencukupi. Setiap perkara dalam hidup memerlukan proses. Begitu juga dengan pengikisan hambatan diri, ia perlu melakukan proses mengikis sikap ini hari demi hari.

Cara paling ampuh adalah dengan menjaga hati agar hanya terikat dengan Allah s.w.t. Apabila terikat secara benar dengan Allah maka kita akan berlapang dada untuk melakukan kebaikan. Secara tidak langsung kita sudah menyediakan diri yang sihat untuk ke akhirat. 4

